



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS BAGI PROJEK PUSAT PENYELIDIKAN, PENGANALISAAN DAN RUJUKAN PENYAKIT HAIWAN TERNAKAN DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN TERUNJING

Hari Isnin, 29 Syaaban 1442 bersamaan 12 April 2021

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, telah mengadakan Majlis Perletakan Batu Asas bagi projek membina sebuah bangunan baru Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan Penyakit Haiwan Ternakan yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Terunjing. Hadir bagi menyempurnakan majlis perletakan batu asas projek tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Dahlia binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai daripada KSSUP dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Majlis perletakan batu asas tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Bacaan Doa oleh Yang Mulia Awang Mohd Zharfan bin Haji Awang Ahmad, Penolong Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Acara kemudian diteruskan dengan penyempurnaan perletakan batu asas bangunan baru Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan Penyakit Haiwan Ternakan.

Projek pembinaan bangunan baru yang bernilai sekitar \$6.5 juta ini merupakan projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-Sebelas (RKN-11) di bawah Tajuk Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran \$106.8 Juta (2015) ke \$300 Juta (2020). Pelaksanaan projek pembinaan ini akan mengambil tempoh selama lapan (8) bulan, dimana pelaksanaan pembinaan akan dibuat secara berfasa. Fasa Pertama dijangka siap pada bulan Ogos 2021, manakala Fasa Kedua pula dijangka siap pada bulan Oktober 2021. Projek pembinaan bangunan makmal baru ini telahpun ditawarkan kepada Syarikat Pembinaan GR Technic.



Pada masa ini perkhidmatan makmal veterinar beroperasi di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas sejak tahun 1988 yang mana menawarkan lebih dari 60 jenis ujian pemeriksaan dan penganalisaan diagnostik, dengan perkhidmatan menitikberatkan aspek kawalan kualiti dan keselamatan makanan dari hasil ternakan dan juga penganalisaan makanan ternakan. Selaras dengan hasrat Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran industri ternakan, perkhidmatan makmal veterinar juga perlu ditingkatkan terutama dalam mendokong program pengeksporan. Mengambil kira kapasiti bangunan makmal veterinar yang pada masa ini sudah terhad, maka perkhidmatan makmal veterinar ini akan berpindah ke Bangunan Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan Penyakit Haiwan Ternakan, Terunjing.

Dengan pembinaan Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan Penyakit Haiwan Ternakan ini, diharap ianya akan membantu meningkatkan kapasiti perkhidmatan makmal veterinar di Negara ini khususnya bagi memenuhi garis panduan antarabangsa seperti *Environmental Health and Safety*, *International Standard of ISO/IEC 17025*, dan *OIE Veterinary Services*. Projek ini juga akan mendokong program pemantauan makanan ternakan ke arah penghasilan produk berasaskan ternakan yang berkualiti tinggi dan selamat, di samping mendokong ke arah program pengeksporan produk-produk tempatan ke luar negara.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 12hb April 2021
